

Widad, RRJ Capital yakin dapat ambil alih PLUS

Keputusan cadangan pengambilalihan dijangka minggu ini

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Dua pembiada, Widad Business Group Sdn Bhd (WBG) dan RRJ Capital, yang sudah mengemukakan tawaran pengambilalihan konsesi lebuhraya PLUS Malaysia Bhd dan empat lebuhraya di Lembah Klang berkaitan Gamuda Bhd, masing-masing yakin tawaran yang dikemukakan mereka akan menjadi pilihan kerajaan.

WBG, konglomerat pembinaan dan pengurusan fasiliti ber-

sepadu berkata, tujuan utama pengambilalihan tu bagi memberi keutamaan kepada rakyat, sejajar dengan manifesto kerajaan.

Pengerusi Eksekutif Kumpulannya, Tan Sri Muhammad Ikmal Opat Abdullah, berkata tawaran yang dikemukakan pihaknya akan membantu meringankan beban kewangan kerajaan dan rakyat.

Beliau berkata, kerajaan akan mendapat manfaat daripada penepilan pampasan sebanyak RM3.038 bilion dan andaian hutang sebanyak RM30 bilion, sebagai tambahan kepada pengecahan jaminan sukuk RMT11 bilion.

"Kami yakin tawaran kami dapat meyakinkan kerajaan. Pada masa sama, rakyat akan menikmati banyak perijmatan yang dipertingkatkan daripada pengurangan tol yang besar dan lebih banyak kemudahan.

"WBG mempunyai kekuatan utama dalam kewangan dan kepayaan untuk mengurus-

kan PLUS. Di bawah perniagaan kumpulan, terdapat dua entiti tersenarai, iaitu WGB dan Dataprog Holdings Bhd (DHB), dengan jumlah permodalan pasaran RMI.45 bilion, yang mampu menyoong pengambilalihan yang dicadangkan.

"Kumpulan juga khususnya mempunyai kepayaan sedia ada dalam menguruskan lebuhraya, kerana kami adalah syarikat terlibat dalam kerja dan projek penyenggaraan," katanya ketika dihubungi BH di Kuala Lumpur, semalam.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng baru-baru ini menyatakan Kabinet dijangka membuat keputusan mengenai cadangan pengambilalihan itu pada minggu ini.

Beliau berkata, keputusan itu perlu dibuat segera bagi mengelak kerajaan terpaksa membayar pampasan yang lebih tinggi kepada pengendali tol.

WGB menawarkan bidaan

PLUS Expressway Bhd bernilai RM5.3 bilion.

Selain daripada WBG, tiga pihak lain yang menawarkan bidaan adalah Maju Holdings, RRJ Capital dan Tan Sri Halim Saad. Sementara itu, firma ekuiti swasta milik warga Malaysia yang berpangkalan di Hong Kong, RRJ Capital tetap terus komited dalam pembidaan pengambilalihan konsesi lebuhraya.

Pengerusi RRJ Capital, Richard Ong, berkata pihaknya yakin memenangi bidaan tersebut kerana mempunyai ekuiti tunai untuk membiayai pelaburan.

RRJ Capital sebelum ini juga bersedia membayar deposit RM500 juta dalam jawarannya itu, jika dipertulkan, sebagai tanda kesungguhan pihaknya untuk mengambil alih pengendali konsesi lebuhraya terbesar negara.

RRJ Capital juga menaikkan tawaran bidaan kepada RM3.5 bilion daripada RM3 bilion sebelumnya.